



KENYATAAN MEDIA

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA DAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)

ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) (NO.2) 2021 UNTUK MENANGANI BERITA TIDAK BENAR BERKAITAN COVID-19 DAN PROKLAMASI DARURAT

Pada masa kini, negara berhadapan dengan penularan berita tidak benar daripada sumber tidak sah mengenai Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) dan Proklamasi Darurat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab melalui pelbagai platform media yang boleh menimbulkan kekeliruan dan kebimbangan dalam kalangan masyarakat. Susulan itu, selaras dengan Fasal 150 (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No.2) 2021 telah dimasyhurkan, diwartakan pada 11 Mac 2021 dan berkuatkuasa mulai hari ini, 12 Mac 2021.

Ordinan ini merupakan suatu remedi jangka masa pendek khusus bagi membendung penularan berita tidak benar mengenai COVID-19 dan Proklamasi Darurat sahaja demi ketenteraman dan kepentingan awam. Penguatkuasaan Ordinan ini dipertanggungjawabkan kepada pegawai polis dan pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Selain itu, Ordinan ini dihasratkan untuk mempercepatkan proses penguatkuasaan, penyiasatan dan pendakwaan. Manakala prosiding di Mahkamah kekal seperti sedia ada, di mana prosedur di bawah Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] di mahkamah dikekalkan. Orang awam dan Kementerian/Agensi boleh membuat laporan polis apabila menerima berita tidak benar mengenai COVID-19 dan Proklamasi Darurat.

Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No.2) 2021 juga memberikan ruang kepada pihak yang terjejas dengan arahan agensi penguatkuasaan dan perintah mahkamah yang diperuntukkan di bawah Ordinan ini menerusi seksyen 6(3) dan 8(1). Selain itu, Ordinan ini juga tidak akan menjejaskan kuasa Mahkamah dalam prosiding jenayah yang mana kebolehterimaan keterangan (admissibility of evidence) yang dikemukakan dalam prosiding di bawah Ordinan ini tidak akan mengganggu atau menjejaskan kuasa kehakiman (judicial power) kerana Mahkamah masih perlu memutuskan kes berdasarkan nilai keterangan yang dikemukakan dalam prosiding tersebut.

Penggubalan Ordinan ini adalah imperatif bagi memastikan rakyat mendapat maklumat yang sahih dari sumber yang tepat sekaligus mengekalkan keselamatan dan ketenteraman awam serta negara. Pelaksanaannya juga diharapkan akan dapat mengurangkan dan seterusnya memerangi penularan maklumat dan berita palsu yang berpotensi menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat. Sehubungan dengan itu, Kerajaan menyeru agar orang ramai tidak sewenang-wenangnya membuat, berkongsi atau menularkan berita tidak benar mengenai COVID-19 dan Proklamasi Darurat.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
Menteri Komunikasi dan Multimedia

DATUK SERI TAKIYUDDIN HASSAN
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Parlimen dan Undang-Undang)

12 Mac 2021